

**SIARAN MEDIA**

Tarikh: Khamis, 18 September 2014

## **KSK GROUP TAMBAH KECEERIAAN *MAMMA MIA!* MENERUSI PENAJAAN PLATINUM**

**Kuala Lumpur, 18 September 2014** – KSK Group Berhad (KSK Group) hari ini mengumumkan bahawa ia menjadi Penaja Platinum bagi hentian Kuala Lumpur dalam jelajah antarabangsa persembahan muzikal amat popular *MAMMA MIA!* Persembahan tersebut dibawa ke Malaysia dalam siri jelajah antarabangsanya oleh pihak Yvents! Dengan penajaan itu, KSK Group turut mengumumkan pelbagai aktiviti menarik untuk menyempurnakan lagi penajaan persembahan muzikal tersebut, yang akan dipentaskan dari 18 hingga 21 Disember 2014 di Plenary Hall, Kuala Lumpur Convention Centre. Pengumuman itu dibuat dalam satu taklimat media yang dihadiri oleh Joanne Kua, Ketua Pegawai Eksekutif KSK Group, Yvette Kang, Pengarah Urusan Yvents! Sdn Bhd, di samping wakil-wakil daripada Kuala Lumpur Performing Arts Centre (KLPAC), Universiti Malaya, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) serta Universiti Teknologi MARA (UiTM).

“KSK Group ingin menyokong aktiviti-aktiviti yang memberi makna besar kepada orang ramai. Persembahan muzikal *MAMMA MIA!* telah membawa kegembiraan kepada jutaan orang di seluruh dunia sejak 15 tahun lalu, dan kami ingin berkongsi kegembiraan ini dengan rakyat Malaysia. Melalui pemberian tiket dan hadiah, bengkel khas dan acara hospitaliti pra-persembahan, orang ramai dari semua latar belakang berpeluang menikmati sebahagian daripada kegembiraan *MAMMA MIA!* dalam pelbagai cara yang berbeza,” kata Joanne.

Antara aktiviti utama yang dilaksanakan oleh KSK Group sempena Penajaan Platinum Siri Jelajah Antarabangsa *MAMMA MIA!* di Malaysia termasuklah:

- Satu bengkel yang dikendalikan oleh barisan pelakon *MAMMA MIA!* bersama para pelajar seni persembahan dan anggota fakulti terpilih dari Kuala Lumpur Performing Arts Centre (KLPAC), Universiti Malaya, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) serta Universiti Teknologi MARA (UiTM). Bengkel ini akan membolehkan para pelajar seni persembahan menimba sedikit sebanyak kemahiran-kemahiran berkaitan teater daripada pelakon *MAMMA MIA!* yang berpengalaman luas.
- Pemberian tiket-tiket melalui radio dan media sosial.
- Satu sesi koktel pra-persembahan yang eksklusif buat para tetamu KSK Group untuk bertemu dan beramah mesra dengan para pelakon *MAMMA MIA!*

Baru-baru ini, KSK Group melibatkan diri dalam industri pembangunan hartanah menerusi KSK Land, sebuah syarikat pembangunan hartanah milik penuhnya. Projek 8 Conlay, yang merangkumi kediaman mewah, sebuah hotel lima bintang dan satu komponen ruang perniagaan, dibina di Jalan Conlay, Kuala Lumpur dan menjadi projek sulung KSK Land.

Dengan barisan pelakon ternama dan pekerja pentas berjumlah melebihi 60 orang yang berasal dari London, *MAMMA MIA!* akan menampilkan lagu-lagu ABBA yang amat popular termasuklah 'Dancing Queen', 'Chiquitita', 'I Have A Dream', 'Take A Chance On Me', 'Thank You For The Music', 'Super Trouper' dan semestinya 'Mamma Mia'.

Dengan muzik dan lirik oleh Benny Andersson dan Bjorn Ulvaeus, '*MAMMA MIA!*' ditulis oleh Catherine Johnson dan diarah oleh Phyllida Lloyd dan Andrew Bruce dan Bobby Aitken, manakala seliaan muzik, isi kandungan dan susunan tambahan adalah oleh Martin Koch. Jelajah Antarabangsa *MAMMA MIA!* diterbitkan oleh Judy Craymer, Richard East dan Bjorn Ulvaeus untuk LittleStar dalam gandingan dengan Universal, Stage Entertainment dan NGM.

'*MAMMA MIA!*' akan dipentaskan di Malaysia dari 18 hingga 21 Disember 2014 di Plenary Hall, Kuala Lumpur Convention Centre. Tiket dijual pada harga RM190, RM290, RM390, RM490 dan RM590. Tempah tiket dalam talian di [www.ticketspeople.com](http://www.ticketspeople.com) atau hubungi 03-2287 2727.

Untuk maklumat lanjut tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KSK Group sempena Penajaan Platinum siri jelajah persembahan *MAMMA MIA!* di Malaysia, serta mengetahui cara untuk menerima tiket, sila lawati laman Facebook kami di [www.facebook.com/KSKMalaysia](http://www.facebook.com/KSKMalaysia) atau ikuti kami di Twitter pada @KSK\_Land.

Untuk maklumat lanjut mengenai KSK Group, sila layari laman web [www.kskgroup.com](http://www.kskgroup.com), untuk maklumat lanjut tentang KSK Land, layari: [www.kskland.my](http://www.kskland.my), manakala untuk mendapatkan prebiu awal bagi 8 Conlay, layari [www.8conlay.com](http://www.8conlay.com)

**Tamat**

### **Mengenai KSK Group Berhad**

KSK Group Berhad ("KSK") disyarikatkan di Malaysia dan aktiviti utamanya adalah pegangan pelaburan. KSK terlibat dalam perniagaan insurans am di Indonesia serta Negara Thai masing-masing menerusi PT. KSK Insurance Indonesia dan KSK Insurance (Thailand) Public Co. Ltd, manakala ia terlibat dalam pembangunan hartanah melalui KSK Land Sdn Bhd.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [www.kskgroup.com](http://www.kskgroup.com) atau [www.kskland.my](http://www.kskland.my) .

---

*Disiarkan oleh Rantau PR bagi pihak KSK Land Sdn Bhd*

**Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:**

En Alex Lim Eng Keat  
Ketua – Perhubungan Korporat  
KSK Group Berhad  
Telefon: +603 - 2693 1668  
Emel: alex.lim@kskgroup.com.

Cik Alicia Pinto  
Perunding Kanan  
Rantau PR Sdn Bhd  
Telefon: +603-7955 7269  
Emel: alicia@rantaupr.com.my